

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. TUAN ANYI NGAU  
[BARAM ]**

**NO. SOALAN : 193**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah khusus yang diambil untuk menaik taraf kehidupan rakyat miskin luar bandar seperti kaum Penan di kawasan Baram supaya mereka dapat memiliki kediaman yang sempurna.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan senantiasa prihatin dan komited dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat miskin dan miskin tegar khususnya di luar bandar. Melalui pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di bawah Kementerian ini, **sejumlah RM1.33bilion** telah diperuntukkan dalam tempoh RMKe-10 bagi pelaksanaan SPKR di seluruh negara. Secara dasarnya, langkah-langkah khusus yang diambil untuk menaik taraf kehidupan rakyat miskin luar bandar adalah seperti berikut:-

- (i) Memperkukuh dan memantapkan lagi pelaksanaan **program-program peningkatan pendapatan** dan **latihan kemahiran** ke arah **memperkasakan lagi modal insan di luar bandar;**
- (ii) Memperkukuh dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan dengan penggunaan sepenuhnya Pangkalan Data

eKasih dan " **Focus Group** " **Pembasmian Kemiskinan** di peringkat nasional, negeri dan daerah ke arah merangka perancangan pelaksanaan yang komprehensif dan pemantauan yang efektif;

(iii) Kerajaan meneruskan **strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi** luar bandar melalui program-program seperti **Projek Lonjakan Mega yang berkonsepkan Agropolitan** seperti di Pulau Banggi dan Gana serta **Projek Ladang Sejahtera** di Semenanjung Bangkoka dan **Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ)**; dan

(iv) Kerajaan akan terus melipat-ganda usaha **dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti perumahan golongan miskin dan miskin tegar, pembinaan jalan luar bandar, bekalan air serta elektrik yang lebih baik** bagi strategi menangani

masalah kemiskinan dan memacu pertumbuhan ekonomi kawasan setempat.

Dalam konteks penyediaan kediaman yang lebih selesa dan selamat, sejumlah **16,819 unit** rumah telah dibina dan di baik pulih bagi negeri Sarawak dengan melibatkan kos berjumlah **RM330.5juta** di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) sepanjang tempoh 2011 sehingga 2014. Manakala bagi Parlimen Baram, sejumlah **603 unit** yang terdiri daripada 139 unit bina baru dan 464 unit baik pulih telah dilaksanakan melibatkan kos berjumlah RM12,123,180.